

SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



MAJLIS AMANAT NAIB CANSOLOR UNIMAS TAHUN 2026

Majlis Amanat Naib Canselor UNIMAS Tahun 2026 telah berlangsung pada 13 Februari 2026 di Arena Gemilang, DeTAR Putra dengan penuh signifikan sebagai platform penyampaian hala tuju dan aspirasi universiti bagi tahun mendatang. Amanat yang disampaikan menjadi panduan jelas kepada seluruh warga universiti dalam menyelaraskan peranan masing-masing agar bergerak secara berfokus dan selaras dengan agenda pembangunan universiti.

Kemuncak majlis ini adalah pelancaran Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030, yang menjadi kerangka utama dalam memacu transformasi dan kelestarian universiti untuk 5 tahun akan datang. Turut dilancarkan ialah Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) 2026-2030, UNIMAS Data & Analytics Platform dan UNIMAS IP-SERV 4 ALL sebagai manifestasi komitmen universiti terhadap tadbir urus telus, keputusan berasaskan data serta pemerkasaan inovasi dan harta intelek. Majlis ini mencerminkan iltizam UNIMAS untuk terus melangkah maju secara lestari demi masa depan yang lebih gemilang.





Tahniah

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

atas pencapaian penarafan



Markah Keseluruhan : 100%

MyMoheS

Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMoheS)
Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

bagi

Penghantaran Data MyMoheS UA Cut-Off Date 31 Disember 2025

Markah Pelajar	Markah Staf	Markah R&D&C	Markah Institusi
100%	100%	100%	100%

UNIMAS RAIH PENARAFAN LIMA BINTANG DALAM PENILAIAN MYMOHES

UNIMAS telah mencapai penarafan lima bintang dengan markah penuh 100% dalam penilaian MyMoheS bagi data berakhir 31 Disember 2025. Pencapaian ini telah diumumkan semasa Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Bil. 1/2026 yang berlangsung pada 12 Februari 2026 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Pengiktirafan “standard emas” ini bukan sahaja membuktikan kewibawaan tadbir urus universiti, malah melonjakkan kredibiliti UNIMAS di peringkat nasional dan antarabangsa sebagai institusi yang mempunyai integriti data yang tinggi. Pencapaian ini merupakan testimonial kepada budaya kerja cemerlang di UNIMAS dan membuktikan bahawa UNIMAS telah bersedia sepenuhnya untuk mendepani cabaran transformasi digital melalui pengurusan data yang cemerlang.

MESYUARAT AGUNG KALI PERTAMA MAJLIS PENGURUSAN RISIKO UA (MARISK)

Pada 11 Februari 2026, SQRC yang diwakili oleh Pn. Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman telah menghadiri Mesyuarat Agung Kali Pertama Majlis Pengurusan Risiko Universiti Awam bertempat di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Mesyuarat tersebut telah berjalan dengan lancar dan teratur, menghimpunkan wakil-wakil universiti awam dari seluruh negara bagi membincangkan hala tuju serta pengukuhan amalan pengurusan risiko di institusi masing-masing. Antara agenda utama mesyuarat adalah pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2026/2028 yang akan menerajui perancangan dan pelaksanaan inisiatif MARISK untuk tempoh akan datang. Mesyuarat ini mencerminkan semangat kolaborasi dan komitmen berterusan universiti awam dalam memperkukuh tadbir urus dan budaya pengurusan risiko yang lebih sistematik serta mampan.



SOROTAN AKTIVITI



Strategy Quality Risk Centre

PROGRAM SQRC FEBRUARI 2026

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Sesi Perbincangan Pemurnian Akhir Buku Pelan Strategik UNIMAS 2030	3 Feb 2026
2.	Fasa 3: Bengkel Penulisan Dokumen Swa Akreditasi UNIMAS	5-6 Feb 2026
3.	Mesuarat Agung Kali Pertama Majlis Pengurusan Risiko UA (MARISK)	10 Feb 2026
4.	Mesuarat Kerja Pengintegrasian Data Sistem MyMoheS UA	11 Feb 2026
5.	Mesuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS UA Bil. 1/2026	12 Feb 2026
6.	Majlis Amanat Naib Canselor UNIMAS 2026	13 Feb 2026
7.	Sesi Konsultasi bersama Pengurus Risiko IBEC dan Pemilik Projek FSSK & FSGK	16 Feb 2026
8.	Sesi Perbincangan Penyelarasan Carta Organisasi SQRC	24 Feb 2026
9.	Sesi Simulasi Risiko	26 Feb 2026

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Ara 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>